

## KARANGAN 5 (N LEVEL)

Pentingnya mengekalkan keharmonian kaum di Singapura.

### BAHAGIAN PENGENALAN

Pasangan pengantin Melayu duduk anggun di singgahsana pelamin. Majlis perkahwinan yang diadakan di kolong blok itu mula dipenuhi pengunjung yang datang bertali arus. Kehadiran mereka disambut dengan bunyi rancak kompang yang dimainkan sekumpulan lelaki daripada pelbagai kaum yang berpakaian sedondon baju Melayu. Mereka adalah rakan sekerja pengantin lelaki yang diundang untuk memeriahkan lagi majlis perkahwinan tersebut. Ada yang berbangsa Cina, India dan juga Serani. Malah, dua orang daripada mereka berasal daripada Filipina turut serta memainkan kompang. Berminggu-minggu mereka belajar bermain kompang dengan baik. Kini, terbit senyuman gembira pada wajah mereka kerana rasa puas dapat meraihkan majlis perkahwinan rakan sekerja mereka dengan pukulan kompang mereka. Turut hadir dalam kalangan para hadirin yang ramai juga adalah jiran tetangga yang berlainan kaum. Mereka telah lama menjadi jiran rapat kepada keluarga pengantin perempuan sejak beliau kecil lagi. Mereka kenal sekali dengan pengantin perempuan kerana beliau juga sering bertandang ke rumah mereka dalam majlis keramaian dan perayaan. Senyuman mesra juga terukir pada wajah mereka kerana tumpang gembira melihat pengantin perempuan membesar dan bakal digelar isteri orang. Begitulah gambaran majlis perkahwinan sebuah pasangan Melayu yang dihadiri oleh masyarakat berbilang kaum. Hal ini berlaku di Singapura kerana rakyat Singapura menganggap pentingnya untuk mengekalkan keharmonian kaum di negara ini.

### BAHAGIAN UTAMA

#### ***Masyarakat Singapura terdiri daripada pelbagai kaum***

Pertama dan utama sekali adalah Singapura merupakan sebuah negara di mana penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum. Lantaran itu, untuk hidup dengan aman di kalangan kaum, penting untuk kita mengekalkan keharmonian kaum. Jika kita mengambil sikap lewa terhadap usaha mengekalkan keharmonian kaum, rusuhan kaum terutamanya yang berlaku pada tahun 1960-an boleh berlaku lagi di Singapura. Pada saat itu, rakyat Singapura tidak dapat hidup dengan aman kerana sentiasa dicengkam ketakutan akibat permusuhan di antara kaum. Dengan kata lain, adalah